

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 /1/2011

## Bekas Ketua Pemuda UMNO Rompin maut nahas

KUANTAN 5 Jan. - Bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Rompin maut apabila kereta jenis Honda dipandunya bertembung dengan kereta Chevrolet di Jalan Pintasan Kuantan-Gebeng dekat sini petang semalam.

Kemalangan berhampiran simpang sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Semambu itu mengakibatkan Abdul Mahat Atan, 49, terbunuh di tempat kejadian setelah mengalami cedera parah di kepala dan dada.

Ketua Bahagian Ketenteraman Awam dan Trafik negeri, Supritendan Mohamed Fauzi Abdul Rahim berkata, dalam kejadian pukul 5.45 petang itu, mangsa dalam perjalanan dari arah Pelabuhan ke Kuantan.

"Sebaik sahaja tiba di tempat kejadian, kereta Chevrolet yang dipandu seorang pemuda berusia 19 tahun dari arah Gambang menuju ke Pelabuhan telah terbabas.

"Kereta terbabit merempuh pembahagi jalan dan memasuki laluan bertentangan sebelum bertembung dengan kereta mangsa.

"Mangsa meninggal dunia di tempat kejadian manakala pemuda itu parah dan dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk rawatan lanjut," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini hari ini.

Mohamed Fauzi berkata, ketika ke-



**MAYAT bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Rompin di bahu jalan di samping kereta Honda yang terlibat dalam nahas di Jalan Pintasan Kuantan - Gebeng dekat Taman Pertanian, Kuantan, semalam.**

jadian keadaan jalan lurus dan cuaca baik dan pihaknya masih menyiasat punca sebenar kejadian tersebut.

Tambahnya, siasatan berhubung kema-

langan itu dijalankan mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Allahyarham Abdul Mahat yang berasal dari dari Kampung Bukit Ra-

ngin di sini pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Rompin dari tahun 1996 sehingga 2000.

Jenazah Allahyarham selamat di-

kebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Tanjung Tengku, Pantai Bernas di Kuala Rompin kira-kira pukul 2.15 pagi ini.